



Anwar bersama isterii, Datuk Seri Dr Wan Azizah hadir pada Majlis Penghargaan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 di MAEPS Serdang, semalam

(Foto Raihana Mansor/BH)

# Tekad laksanakan titah buru perasuah

## Seri Paduka mahu amalan rasuah diperangi besar-besaran

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Serdang:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan bertekad melaksanakan titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang dizahirkan menerusi Titah Diraja pada Istiadat Pembukaan

Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-15, di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri berkata, penekanan baginda dalam titah itu akan dilaksanakan secara tegas oleh Kerajaan Perpaduan.

"Titah baginda jelas (dan) bagus. (Kita akan) melaksanakannya dengan tegas," katanya pada sidang media Majlis Penghargaan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini semalam.

Pada majlis sama, Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menyerahkan plak sebagai simbolik penghargaan kepada Kementerian dan petugas menjaya-

kan penganjuran Persidangan ASEAN 2025.

### Perangi rasuah

Terdahulu, Sultan Ibrahim menitahkan amalan rasuah di negara ini diperangi secara besar-besaran dengan mengenakan tindakan kepada pemberi rasuah, ejen bersubhat serta mereka yang menerima habuan itu.

Menitahkan supaya 'perasuah diburu sampai jumpa', baginda mengingatkan semua Ahli Parlimen dan penjawat awam supaya tidak menjadi pengkhianat negara dengan menyalahguna kuasa, menyeleweng dana awam, menerima rasuah atau bersubhat melindungi perasuah.